

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

23. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di setiap kawasan Parlimen untuk memudahkan urusan harian masyarakat?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

23. UTC merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat di satu tempat. Ianya adalah sebahagian daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan.

Semua urusan memantau dan penubuhan kemudahan UTC di negara ini adalah di bawah bidang kuasa Unit Strategi Kebangsaan (NSU) di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. Melalui NSU ini, pihak Kementerian Kewangan hanya berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk tujuan cadangan tempat, namun keputusan muktamad penubuhan terletak di bawah Kementerian. Disamping itu juga, semua kos pembinaan dan juga penyelenggaraan setiap UTC itu adalah di bawah kuasa Kementerian Kewangan Malaysia.

Justeru itu, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan MOF.600-47/5/22 (22) bertarikh 27 Jun 2018 telah memaklumkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar mengemukakan 3 cadangan

premis yang berpotensi untuk dijadikan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Negeri Pulau Pinang. Kementerian Kewangan juga telah menyatakan bahawa UTC Pulau Pinang adalah lebih sesuai untuk diwujudkan di kawasan pulau berbanding kawasan tanah besar memandangkan UTC bagi sesebuah negeri wajar diwujudkan di ibu negeri dan dalam hal ini, dasar penubuhan UTC ini tidak menetapkan penubuhannya di setiap parlimen tetapi satu UTC di setiap ibu negeri jika bersesuaian. Oleh itu keputusan penubuhan ini terletak kepada Kerajaan Persekutuan manakala Kerajaan Negeri hanya diminta untuk memberi nasihat tentang cadangan penubuhan UTC. Kementerian Kewangan Malaysia tidak bercadang untuk mewujudkan UTC di setiap Parlimen memandangkan lokasi pejabat kerajaan sedia ada yang menawarkan pelbagai perkhidmatan boleh diakses dengan mudah dan cepat.